

Kg Tudan bakal tarik tumpuan antarabangsa

Jeremy S. Zabala DE 18.8.2017 3

KOTA KINABALU: Kg Tudan, Kiulu akan menjadi tumpuan antarabangsa apabila Pasukan Enactus Universiti Malaysia Sabah akan mewakili Malaysia dalam Piala Dunia Enactus 2017 pada 26-28 September di London, England.

Dr Fiffy Hanisdah Saikim dari Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS yang akan mengetuai pasukan yang dianggotai 14 orang bersama dua lagi penasihat fakulti berkara mereka akan mewakili negara dengan mempamerkan dua produk mereka iaitu Teh Mulberi Organik dan Losyen Badan Mulberi yang dibuat dari pokok Mulberi dari perladangan di Kg Tudan.

Pokok Mulberi tersebut yang hanya terdapat 300 pokok pada mulanya kini bertambah kepada 1,500 sebagai hasil daripada pasukan tersebut yang berjaya menghasilkan Tudan Teh Mulberi Organik dan Losyen Badan Mulberi yang dibuat dari daun Mulberi, kata Fiffy.

“Pasukan Enactus akan mempamerkan dua produk tersebut dalam kejohanan dunia kerana ia sesu-

atu yang baharu di mata dunia dan ia diharapkan dapat mempromosikan Kg Tudan sebagai tarikan pelancongan pertanian pada masa hadapan,” katanya.

Pasukan itu diberi peluang untuk mendekati kampung tersebut menerusi Lembaga Pelancongan Sabah (STB) dan idea untuk menghasilkan produk tersebut dibangunkan ketika mereka cuba membantu masyarakat tampil dengan ciri utama seperti daerah lain. Sebagai contoh, Tambunan dengan halia mereka dan sayur-sayuran Kundasang, kata Fiffy dalam satu sidang media yang memperkenalkan pasukan Enactus UMS di Lembaga Pelancongan Sabah pada Khamis.

“Kami mendapati bahawa tanah tersebut sesuai untuk perladangan dan daripada pokok-pokok ini, kami memberi tumpuan kepada penuaian daun untuk penghasilan teh dan juga losyen,” katanya.

Daun tersebut mempunyai nutrient sama seperti teh berkhasiat lain tetapi apa yang menjadikan daun itu cukup bagus untuk dijadikan losyen adalah ia mempunyai agen pemutih semulajadi dan ini sesuai

digunakan dalam produk kulit kerana ia adalah organik dan tidak memerlukan bahan tambahan untuk pemutihan,” katanya.

Enactus adalah badan global bukan berasaskan pendapatan dan merupakan komuniti yang terdiri daripada penuntut, pemimpin akademik dan perniagaan yang komited untuk menggunakan kuasa tindakan keusahawanan untuk mengubah kehidupan dan membentuk dunia yang lebih mantap, katanya.

“Dari projek ini sehinggalah kepada mempromosikan tanah, kami juga membantu masyarakat dengan menggalakkan mereka untuk mendalami keusahawanan dan itu adalah apa yang mereka sedang lakukan,” katanya.

Bukan hanya teh dan losyen, masyarakat tempatan di sini juga tampil dengan inisiatif mereka sendiri untuk menghasilkan wain daripada buah mulberi dan madu daripada lebah kelulut dan ini merupakan matlamat Enactus, katanya.

Semasa pengenalan, Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah Datuk Joniston Bangkuai turut hadir untuk pembentangan produk daripada Mulberi.